

19/01/1999

Berusaha lebih kuat pulih ekonomi: PM (HL)

Faizal Fadzil

KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta rakyat supaya tidak cuba menggagalkan usaha kerajaan memulihkan ekonomi, sebaliknya berusaha lebih kuat untuk menghidupkan semula segala aktiviti ekonomi negara.

Perdana Menteri menegaskan, rakyat Malaysia beragama Islam wajar membuktikan kesyukuran mereka dengan tidak melakukan sesuatu yang melemahkan umat Islam dan mendedahkan mereka kepada penindasan orang lain.

Dr Mahathir berkata, antara perbuatan yang menidakkan kesyukuran umat Islam ialah bermusuhan-musuhan sesama Islam dan mencetuskan huru-hara dalam masyarakat Islam.

Katanya, umat Islam juga akan lemah jika mereka menghalang kemajuan dan kemampuan orang Islam dalam bidang ilmu pengetahuan yang diperlukan bagi mengukuhkan ketahanan mereka.

Beliau menjelaskan, umat Islam negara ini wajar bersyukur kerana ketika mereka bersukaria merayakan Aidilfitri, ada umat Islam terpaksa menyambutnya dengan ketakutan akan diserang dengan bom dan roket.

Menurutnya, ada yang terus terpaksa berperang mempertahankan diri, menghadapi kebuluran kerana sekatan bekalan dan menjadi miskin kerana tekanan ekonomi yang disengajakan sehingga tidak dapat membeli makanan, ubat-ubatan dan susu untuk anak.

"Justeru, kita umat Islam di Malaysia harus benar-benar bersyukur. Tetapi tidaklah memadai jika kita hanya menyatakan kesyukuran kita dengan penuh keikhlasan hati.

"Kesyukuran kita hendaklah disertai dengan tindakan yang membuktikan kebenaran kesyukuran kita.

Kita hanya berkata dalam hati bahawa kita bersyukur tetapi pada masa yang sama kita membuat sesuatu yang melemahkan umat Islam dan mendedahkan mereka kepada tekanan dan penindasan orang lain, maka kesyukuran kita itu sudah tidak bermakna lagi," katanya dalam perutusan Aidilfitri yang disiarkan menerusi Radio dan Televisyen Malaysia (RTM) malam ini.

Dalam menangani kegawatan ekonomi yang sedang melanda, Dr Mahathir yakin jika setiap rakyat bersatu hati dan sehaluan, ekonomi negara akan dapat kembali kepada kedudukan asal dalam tempoh singkat.

Beliau yang meyakini ekonomi akan reda menjelang abad ke-21 juga menaruh kepercayaan bahawa setiap rakyat akan bersifat rasional, tenang dan tidak mudah dihasut meskipun kedudukan ekonomi negara masih terjejas.

"Sebenarnya, rakyat kita amat disiplin dan sabar dalam menghadapi bencana kegawatan ekonomi ini. Mereka tidak panik atau hilang haluan. Mereka sanggup berkorban dan berusaha keras menambahkan produktiviti dan hasil pendapatan negara supaya ekonomi dapat dipulihkan.

"Rakyat pada keseluruhannya berdiri teguh bersama kerajaan. Sebab itu, usaha pihak tertentu untuk menghancurkan ekonomi kita sehingga kita tunduk kepada mereka, telah gagal," katanya.

Dr Mahathir juga meminta rakyat tidak mementingkan kepentingan peribadi kerana ia akan merosakkan negara.

Sebaliknya, beliau mengajak mereka bersatu, bermuafakat dan bekerjasama bagi memakmurkan rakyat dan negara.

Katanya, meskipun Malaysia negara berbilang kaum, itu tidak bermakna rakyat tidak perlu memelihara keamanan dan ketahanan negara.

"Sebabnya ialah jika ada rusuhan sesama rakyat berbilang kaum di Malaysia, orang Islam juga akan menjadi mangsa sehingga mungkin mereka

menjadi lemah dan dikuasai orang lain.

"Justeru, kita umat Islam di Malaysia harus memelihara keamanan dan ketenteraman dalam negara kita," katanya.

Mengenai masa depan Islam sejagat, Dr Mahathir menganggap, umat Islam di seluruh dunia masih tidak mempunyai persediaan menghadapi pelbagai cabaran dan ancaman, malah semakin hari semakin lemah dan tidak berupaya mengatasi cabaran.

Katanya, umat Islam bukan saja lemah dari segi menguasai ilmu dan kecekapan moden, malah tidak patuh kepada ajaran Islam berkenaan perpaduan dan persiapan menghadapi serangan seperti yang ditegaskan dalam al-Quran.

Menurutnya, menerusi globalisasi dan penghapusan sempadan kepada pergerakan modal, negara dan umat Islam akan terdedah kepada bahaya yang amat besar.

Dr Mahathir menjelaskan, jika umat Islam masih bersengketa sesama sendiri, menolak penguasaan ilmu dan teknologi serta tidak tersusun rapi dari segi organisasi dan ketertiban, bahaya itu tidak akan dapat diatasi.

"Kita bukan saja tidak mempunyai harapan untuk mengembalikan zaman kegemilangan Islam tetapi kita akan menjadi lemah dan mundur dari keadaan sekarang," katanya.

Tambah menyedihkan lagi, kata Dr Mahathir, ialah sikap umat Islam yang membelakangkan ajaran agama dengan berkelahi dan berperang sesama sendiri.

Katanya, mereka sanggup bersubahat dengan musuh Islam kerana ingin mengalahkan negara Islam lain dan menghabiskan kekayaan mereka dengan membeli senjata yang dijual pihak asing untuk meneruskan peperangan sesama mereka.

"Inilah sebabnya yang kita orang Islam tidak boleh menyalahkan musuh-musuh Islam saja. Orang Islam sendiri bersalah. Mereka tidak mengikut ajaran Islam baik berkenaan dengan penguasaan ilmu dan persediaan pertahanan mahupun desakan supaya umat Islam bersatu dan bersaudara," katanya.

Perdana Menteri turut meminta rakyat, terutama umat Islam di negara ini supaya berusaha merebut peluang yang disediakan bagi memajukan bangsa dan negara.

"Kita tidak boleh lagi berpeluk tubuh dan melihat orang lain terus maju seiring kemajuan dunia," katanya.

(END)